

AKHBAR : BERITA HARIAN
 MUKA SURAT : 12
 RUANGAN : NASIONAL

Nasional

Penularan COVID-19

Jumlah kes baharu kembali dua angka

7 positif virus dapat jangkitan di luar negara, 12 kes penularan tempatan

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Faris Fuad
 bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Jumlah kes baharu COVID-19, semalam kembali mencatatkan dua angka dengan 19 kes berbanding kelmarin, namun lebih rendah daripada 51 kes jangkitan yang sudah pulih dan disenarai pulung.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pertambahan kes pulih

itu menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh sebanyak 6,610 kes atau 80 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Katanya, bagi jumlah kes baharu pula ia menjadikan jumlah kumulatif kes sebanyak 8,226 kes dan jumlah kes aktif dengan kebolehan jangkitan COVID-19 adalah 1,540 kes.

"Daripada 19 kes baharu yang dilaporkan, tujuh kes import yang mendapat jangkitan di luar negara. Daripada 12 kes penularan dalam negara, tiga kes adalah bukan warga negara dan sembilan kes warga tempatan.

"Sehingga kini, enam kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU). Daripada jumlah itu, satu kes memerlukan bantuan pernafasan," katanya pada sidang media harian COVID-19, di sini, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, me-

ngikut maklumat terkini Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC), terdapat satu pertambahan kes kematian berkaitan COVID-19, menjadikan jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah 116 kes atau 1.4 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

"Kes kematian ke-116 (kes ke-7733) adalah lelaki tempatan berusia 61 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit kencing manis, darah tinggi dan penyakit barah buah pinggang. Beliau dirawat di Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Johor pada 29 Mei lalu dan disahkan meninggal dunia pada jam 10.20 malam kelmarin," katanya.

Selain itu, Dr Noor Hisham berkata, pihaknya mengesahkan 30 kes positif COVID-19 berdekatan dan dalam kawasan Kuala Langat,



Dr Noor Hisham pada sidang media harian di Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

yang diletakkan bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Pentadbiran, sejak awal minggu ini. Beliau berkata, jumlah itu direkodkan selepas penambahan 10 kes positif dengan lapan daripadanya di luar kawasan itu, semalam.

"Saringan ujian dilakukan secara sasaran selepas kenal pasti lokaliti berkaitan. Kita jalankan sebanyak 4,454 ujian saringan dekat Kuala Langat selepas kawasan itu dikenakan PKP Pentadbiran.

"Semalam, ada dua kes positif di situ, manakala lapan kes di luar kawasan PKP berkenaan. Sebe-

lum ini, kita ada 20 kes bermakna secara keseluruhan ada 30 kes.

"Jika kita syak ada peningkatan kes atau ada individu terdedah dengan wabak itu di sesebuah kawasan itu, kita akan jalankan saringan. Setakat ini, tiada kes positif di Salak Tinggi berikutan ada dakwaan kawasan itu akan dikenakan PKP Pentadbiran," katanya.

Sementara itu, Dr Noor Hisham juga berkata, jumlah beberapa pesakit berjangkit menunjukkan penurunan ketara dalam tempoh 22 minggu pertama tahun ini, berbanding tahun lalu.

Pantau guna Akta 342 bagi fasa pemulihan

Putrajaya: Malaysia sedang beralih ke fasa pemulihan selepas Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), membolehkan semua sektor dibuka, dengan pemantauan menggunakan Akta Pencegahan Dan Pengawasan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata bagi menangani penularan wabak COVID-19, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Pentadbiran akan dijalankan sekiranya berlaku peningkatan kes po-

sitif, atau mana-mana lokaliti dan kumpulan disyaki ada jangkitan, selain menjalankan saringan di kawasan terabit.

"Kita melihat kepentingan untuk menggunakan Akta 342 dan membuka semula sektor ekonomi, sosial dan pelajaran," katanya pada sidang media harian COVID-19, di sini, semalam.

Pada masa sama, Dr Noor Hisham berkata, kerajaan juga akan melihat kawalan sempadan negara yang ketika ini diperketatkan, serta cadangan untuk kemungki-

nan memberi kelonggaran terhadap negara yang berada di paras tinggi dalam Indeks Pemulihan COVID-19 Global.

"Mungkin kita akan lihat bagaimana boleh memberi kelonggaran kawalan sempadan kepada negara yang ada 'ranking' dalam Indeks Pemulihan COVID-19 Global, negara yang dikelaskan sebagai Zon Hijau kita boleh pertimbangkan. Ini satu cadangan.

"Kita juga melihat jika saringan boleh dijalankan di negara masing-masing sebelum mereka ke

negara kita. Jika kita boleh kuadratkan mereka sebelum datang ke negara kita, mungkin satu lagi cara untuk pertingkatkan kelonggaran sempadan dan pastikan tiada jangkitan berlaku.


"Ini dalam proses perbincangan dan kita akan melihat keadaan semasa, minggu ke minggu, bulan ke bulan dan kita juga akan melihat perkembangan di negara lain," katanya.

Beliau berkata, dengan merujuk kepada indeks itu, Malaysia berkemungkinan melihat kerjasama

ma dengan negara jiran serta menggunakan platform ASEAN.

Dr Noor Hisham juga berkata, kerajaan berkemungkinan menggalang dasar untuk mewajibkan pemvaksinan bagi COVID-19 jika vaksin untuk penyakit itu sudah ditemui kelak.

Beliau berkata, setakat ini belum ada dasar untuk itu, dan Kementerian Kesihatan perlu melihat kesan sampingan penggunaannya terlebih dahulu selain keberkesanannya sebelum dasar mengenainya boleh digubal.



AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 15

RUANGAN : NEWS / NATION

SATURDAY, JUNE 6, 2020 • NewStraitsTimes

Nation / NEWS | 15

BREAKING THE CHAIN OF INFECTION

'THE CHALLENGE IS FOREIGN WORKERS'

Spike of 270 cases on Thursday due to cluster at detention centre, says Noor Hisham

TEOH PEI YING
PUTRAJAYA
news@nst.com.my

MALAYSIA can break the chain of Covid-19 infection by mid-July if it can control the rate of infection among foreign workers.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said data showed that since the Conditional Movement Control Order was implemented on May 4, the number of cases had gone down.

"The challenge now is illegal foreign workers. We need to detain them in our detention centres and deport them as soon as possible to their respective countries. For the legal foreign workers, we need to look into their housing, see whether they comply with SOPs (standard operating procedures).



Health Ministry workers conducting Covid-19 tests on foreigners in Taman Langat Utama, Selangor, on Monday. PIC BY MUHAMMAD ASYRAF SAWAL

"The Health Ministry's model showed that Malaysians are complying with SOPs — this is good. It means by mid-July we may be able to break the chain of transmission," he said at the daily Covid-19 press conference, here, yesterday.

Dr Noor Hisham said the sudden spike in the number of cases on Thursday at 270 was because of the detention centre cluster.

"We have a surge in cases there but the situation is contained.

"If we can control the rate of infection among foreign workers,

rest assured we can achieve the target to break the chain of infection by mid-July."

Dr Noor Hisham said the ministry would look into easing border control after all sectors have reopened and there is no surge in the number of cases.

Up to noon yesterday, there were 19 new Covid-19 cases reported, bringing the nationwide tally to 8,266.

Of the 19, seven were imported cases involving three foreigners while the rest were Malaysians.

Of the imported cases, five were Malaysians who returned from Bangladesh and one each came from Makkah and Qatar.

"The three foreigners were from the wet market, Cheras flat and Pudu clusters, while the nine Malaysians — a tahfiz student, two from a cleaning company in Kuala Langat, three ferry terminal workers at Labuan, one from an old folks' home in Melaka, and two had close contact with a Covid-19 patient," he said.

One new death was reported to the Crisis Preparedness and Response Centre (CPRC) yesterday, increasing the death toll to 116.

Dr Noor Hisham said the latest victim was case 7,733, a 61-year-old man who was admitted to Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom in Johor on May 29.

"He was pronounced dead on June 4. He had diabetes, hypertension and kidney failure."

Dr Noor Hisham also said 51 patients were discharged up to noon yesterday, increasing the number of recovered and discharged patients to 6,610.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 16

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

16



MEMERANGI WABAK COVID-19

SABTU 6 JUN 2020 • SINAR HARIAN

#RantiaKasih

Timbang dasar wajib vaksin

KKM perlu lihat kesan sampingan dan keberkesanan penggunaan vaksin

PUTRAJAYA

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mempertimbangkan dasar mewajibkan pengambilan vaksin koronavirus (Covid-19) meskipun tiada vaksin ditemui setakat ini, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah.

Bagaimanapun, beliau berkata, KKM perlu melihat kepada kesan sampingan dan keberkesanan vaksin itu sebelum mewajibkan pengambilannya. "Memang kajian ada tetapi belum ada lagi vaksin untuk Covid-19 tetapi apa yang penting kalau kita ada vaksin, kita juga nak melihat kepada keberkesanan dan kesan sampingan sebelum keluarkan sesuatu dasar," katanya pada sidang akhbar harian perkembangan Covid-19 di sini semalam.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, KKM sedang berbincang dan menjalankan penyelidikan terhadap



DR NOOR HISHAM

daya imuniti tubuh badan yang melawan virus Covid-19.

Jelasnya, KKM mengesan ada dalam kalangan pesakit yang tidak bergejala telah mempunyai antibodi.

"Bila adanya antibodi, ini menunjukkan pesakit pernah terdedah tetapi tidak bergejala dan tidak tahu mereka pernah dijangkiti tapi apabila test (diuji) virus, virus tiada," katanya.

Mengenai laporan firma bioteknologi Amerika Syarikat (AS), Moderna yang akan memulakan percubaan fasa ketiga vaksin Covid-19 bulan depan, Dr Noor Hisham berkata, ia satu perkembangan yang baik, malah banyak negara termasuk

China menjalankan penyelidikan, namun vaksin akan mengambil tempoh setahun atau setahun setengah sebelum ia dipasarkan.

Beliau berkata, berdasarkan pengalaman lepas dalam menangani sindrom pernafasan akut teruk (SARS) dan Middle East coronavirus (MERS-CoV), walaupun tiada vaksin, namun ia dapat dikawal menerusi inisiatif kesihatan awam.

Ketika ditanya mengenai kelonggaran kawalan sempadan negara, Dr Noor Hisham mencadangkan agar kerjasama dengan negara ASEAN dipertimbangkan sebagai usaha mengawal penularan wabak Covid-19.

"Kita lihat pada ranking setiap negara. Negara yang teratas dan diklasifikasikan sebagai negara zon hijau, kita mungkin pertimbangkan (untuk memasuki negara). Mungkin kita perlu lihat kerjasama dengan negara jiran ataupun di bawah platform ASEAN," katanya.

Ditanya mengenai gambar tular khemah saringan KKM yang dikesan di Salak Tinggi, Selangor, Dr Noor Hisham berkata, setakat ini tidak ada kes positif di kawasan itu, namun pengesanan dibuat susulan KKM mengesyaki kemungkinan ada kes berkenaan. - Bernama

Kes baharu kembali dua digit

PUTRAJAYA - Jumlah jangkitan kes positif koronavirus (Covid-19) baharu yang dilaporkan semalam kembali turun kepada dua digit iaitu 19 kes dengan sembilan kes melibatkan warganegara Malaysia.

Bagaimanapun, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, terdapat satu kes kematian semalam selepas 13 hari berturut-turut tiada kes kematian baharu dilaporkan, menjadikan jumlah kumulatif kes kematian Covid-19 di Malaysia adalah sebanyak 116 kes.

Beliau berkata, daripada 19 kes baharu, tujuh kes adalah kes import yang mendapat jangkitan di luar negara.

"Daripada 12 kes penularan di dalam negara, tiga kes adalah bukan warganegara manakala sembilan kes membabitkan warganegara Malaysia.

"Ini menjadikan jumlah kes positif di Malaysia adalah sebanyak 8,266 kes.


"Oleh itu, jumlah kes aktif dengan kebolehhajatan Covid-19 adalah 1,540 kes. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan," katanya.

Kes yang telah pulih dan dibenarkan keluar hospital semalam adalah sebanyak 51 kes.

Kes kematian berkenaan membabitkan lelaki warganegara Malaysia berumur 61 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit kencing manis, darah tinggi dan barah buah pinggang. - Bernama


SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM

Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



*Dikemas kini pada jam 6 petang 5 Jun 2020

Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 8,247 kes kepada 8,266 kes



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN: 8,266 **PULIH: 6,610** **ICU: 6** **KEMATIAN: 116** **KES BAHARU: +19**

